

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 28 JUN 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 3

## Masa tepat laksana pembaharuan subsidi

### Masa tepat laksana pembaharuan subsidi

**KUALA LUMPUR** - Subsidi pada dasarnya adalah penyelarasan jangka pendek dan perlu dimansuhkan secara berperingkat kerana boleh beri kesan kepada harga sekiranya terus dilaksanakan bagi satu tempoh yang berpanjangan.

Subsidi kerajaan dianggarkan mencecah rekod RM80 bilion pada 2022, dengan subsidi bahan api dan minyak masak menyumbang separuh daripada jumlah tersebut.

Pada Januari tahun ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, paras hutang negara termasuk liabiliti mencecah RM1.5 trilion dan perlu ditangani dengan segera kerana peningkatan hutang itu telah lebih 80 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

Menurut profesor ekonomi Universiti Sains dan Teknologi Malaysia, Geoffrey Williams, pembaharuan subsidi bagi elektrik adalah cara paling prak-

tikal serta mudah untuk menghapuskan kesan herotan subsidi dengan golongan berpendapatan tinggi paling banyak meraih manfaat daripadanya.

"Elektrik bermeter, jadi kita boleh mengenal pasti pengguna tertinggi dalam kumpulan T20 dengan mudah.

"Menghapuskan subsidi kepada mereka yang menggunakan lebih 600 kWj sebulan boleh menjimatkan RM1.96 bilion dan hanya akan menjejaskan 11 peratus isi rumah," katanya.

Williams berkata, pemotongan subsidi bahan api boleh dicapai dengan cara sama seperti pemotongan subsidi elektrik.

"Ia dengan mengenakan harga penuh tanpa subsidi kepada pengguna tinggi dan harga bersubsidi rendah kepada pengguna rendah.

"Kebanyakannya merangkumi T20 dan B40. Menghapuskan subsidi untuk pengguna tinggi sahaja akan menjimatkan berpuluh bilion ringgit. Teknologi ini

boleh dicapai di tempat jualan di stesen minyak. Orang tengahlah yang membantah perkara ini kerana mereka kerugian dari segi pembayaran," katanya.

Sementara itu, penganalisis ekonomi Putra Business School, Profesor Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, kerajaan berada di landasan betul dengan melakukan pembaharuan subsidi kerana Malaysia sedang mengalami trend penurunan kadar inflasi dan ekonomi telah pulih ke tahap sebelum pandemik.

"Namun, walaupun sebahagian isi rumah sudah pulih, masih ramai perlu bantuan tambahan.

"Justeru, terdapat keperluan bagi subsidi bersasar daripada mengekalkan pendekatan secara lebih meluas," katanya.

Jelas beliau, kebiasaannya apabila mana-mana kerajaan bercadang memberi subsidi kepada rakyat, ia perlu dipadankan dengan hasil dijana melalui kutipan cukai.

Menurutnya, buat masa ini ke-

rajaan dalam peringkat mengurangkan subsidi yang diperuntukkan bagi memastikan ia masih dapat menampungnya.

Ketua Ekonomi dan Ketua Kewangan Sosial Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid pula berkata, subsidi pada dasarnya adalah penyelarasan sementara dan perlu dimansuhkan selepas semuanya stabil.

Dalam kes Malaysia, katanya, subsidi telah menjadi ciri kekal yang menjadikan tugas memansuhkannya amat mencabar.

"Subsidi akan menjejaskan harga pasaran. Ia boleh mengakibatkan penggunaan berlebihan dan kurangnya insentif kepada pengeluar untuk menghasilkan lebih daripada itu.

"Untuk menghapuskannya, kerajaan perlukan strategi termasuk memastikan pemberhentian itu dibuat beransur-ansur dan ikut tempoh masa yang ketat," katanya. - *Bernama*